

11 MAY 1998

Indonesia-Sokongan

INDONESIA HARGAI SOKONGAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Indonesia hari ini mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Malaysia kerana memberikan sokongan kepadanya dalam menangani masalah ekonomi dan kewangan yang teruk melanda negara itu.

Penghargaan itu disampaikan oleh Menteri Kewangan Indonesia Fuad Bawazier kepada Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam satu pertemuan di sini.

Fuad memberitahu pemberita, selepas pertemuan itu, bahawa kerajaan Indonesia menghargai bantuan kewangan Malaysia kepada Indonesia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata di Kaherah hari ini bahawa Malaysia telah memberikan pinjaman kewangan sebanyak AS\$250 juta kepada Indonesia sementara negara itu menanti baki pinjaman daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang akan dikeluarkan bagi memulihkan ekonomi negaranya.

Sementara itu, Anwar berkata pinjaman itu menunjukkan komitmen Malaysia dalam membantu Indonesia melaksanakan perubahan selaras dengan perjanjiannya dengan IMF.

Anwar berkata walaupun Malaysia juga menghadapi masalah ekonominya sendiri, ini tidak bermakna ia tidak harus menawarkan bantuan kepada negara-negara jiran yang menghadapi masalah serupa.

Fuad, yang akan pulang ke Jakarta dari Washington, sebelum itu mengunjungi Anwar di Carcosa Sri Negara, di sini. Beliau diiringi oleh anak lelaki Presiden Suharto, Bambang Trihatmojo.

Anwar berkata Bambang mewakili sektor swasta Indonesia dan beliau telah memberikan butiran bagaimana sektor swasta di negara ini berusaha menangani krisis itu.

Anwar juga berkata bahawa beliau telah memperkenalkan Bambang kepada beberapa tokoh korporat Malaysia bagi membolehkan mereka menjalin hubungan perniagaan.

Bagaimanapun, Anwar berkata kerajaan Malaysia dan Indonesia tidak terlibat dalam sebarang rundingan perniagaan antara ahli-ahli perniagaan kedua-dua negara.

--BERNAMA

ARA NAK